

07/06/2001

Arkib Negara kumpul bahan dokumentasi

KUALA LUMPUR, Rabu - Arkib Negara sedang mempergiatkan usaha mengumpul gambar berkaitan peristiwa kemerdekaan tanah air bagi mendokumentasikan semua peristiwa sejarah negara ini.

Ketua Pengarah Arkib Negara, Datuk Habibah Zon, berkata gambar yang berkait rapat dengan sejarah kemerdekaan tanah air sedang dikumpul dari Thailand, China, Belanda dan Eropah untuk diterbitkan dalam bentuk buku sebelum akhir tahun ini.

"Ketika ini kami masih mengesan gambar dan juga bahan lain yang berkaitan di luar negara," katanya ketika diminta mengulas cadangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya semua peristiwa menarik mengenai Malaysia didokumenkan bagi membantu rakyat memahami dan menghargai sejarah.

Kelmarin, Dr Mahathir berkata salah satu masalah yang dihadapi negara ketika ini ialah tidak ramai orang tahu mengenai sejarah.

Sehubungan itu, beliau mahu rakyat belajar daripada peristiwa lalu kerana sejarah banyak memberi pengajaran dalam kehidupan seseorang.

Habibah berkata, selain itu, peristiwa sejarah yang penting turut didokumenkan dalam bentuk program seperti 'Hari Ini Dalam Sejarah' yang disiarkan setiap hari menerusi Radio Televisyen Malaysia (RTM).

"Kami akan menghubungi Arkib Belanda menerusi Kedutaan Belanda di sini untuk menghantar bahan dan artifak berkaitan penjajahan negara itu di tanah air yang masih ada di situ," katanya.

(END)